

29/06/1999

Cadangan pengkorporatan FNM dikemuka tahun ini

PETALING JAYA, Isnin - Kementerian Penerangan akan mengemukakan kertas cadangan mengenai pengkorporatan Filem Negara Malaysia (FNM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) kepada Kabinet, sebelum akhir tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob, berkata isu pengkorporatan itu timbul selepas Kabinet memutuskan pembatalan cadangan penswastaan dua agensi terbabit beberapa bulan lalu.

Sehubungan itu, kementerian berkenaan sedang mengkaji semula dan membuat keputusan baru berhubung konsep pengkorporatan yang difikirkan sesuai.

"Kementerian Penerangan akan mengemukakan semula mengenai konsep pengkorporatan itu dan diserahkan kepada Kabinet, tahun ini.

"Ketika ini, penyediaan kertas cadangan itu sudah siap. Bagaimanapun kita akan erbincang dengan teliti dengan beberapa agensi terbabit sebelum kertas cadangan itu diserahkan kepada Kabinet," katanya selepas mengadakan lawatan pertama ke FNM di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah FNM, Syed Hamzah Syed Othman.

Baru-baru ini, Berita Harian melaporkan mengenai dua agensi kerajaan iaitu Finas dan FNM akan dikorporatkan bagi membolehkan ia membantu industri perfileman negara dan bergiat dalam bidang perniagaan secara lebih berkesan.

Sebelum ini, Mohd Khalil turut memberi jaminan walaupun Finas dikorporatkan ia masih tetap berada dalam kawalan kerajaan demi kepentingan dan masa depan industri perfileman tempatan.

Finas akan tetap memegang 100 peratus kuasa di bawah pengurusan dan kawalan kerajaan jika diputuskan pengkorporatannya kelak.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap penyingkatan kempen pilihan raya, Mohd Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno, berkata kempen pilihan raya yang singkat perlu kerana ia lebih berkesan kepada semua pihak terutama orang ramai.

Menurutnya, jika kempen pilihan raya dipanjangkan ia boleh menimbulkan banyak perkara kurang elok terutama daripada pembangkang.

"Orang semua dah tahu...bila wujud suasana pilihan raya saja, orang akan mula berkempen. Cuma kempen secara rasmi saja belum dilakukan.

"Malah parti lawan sekarang pun nampaknya sudah mula berkempen," katanya.

Bagaimanapun, keputusan untuk memendekkan kempen pilihan raya itu akan ditentukan Suruhanjaya Pilihanraya.

(END)